

# Amerika menghalang Jepun sertai EAEC

JEPUN sebenarnya mahu menyertai Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang dianjurkan Malaysia tetapi hasrat itu dihalang oleh pihak tertentu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, beberapa pihak di Jepun sebelum ini memberi pandangan dan menyatakan hasrat mereka untuk menyertai EAEC.

Katanya, Malaysia akan meneruskan usaha memastikan EAEC menjadi kenyataan walaupun tanpa penyertaan Jepun.

Walaupun tidak menyebut pihak yang menghalang Jepun itu, Perdana Menteri dipercayai merujuk kepada Amerika Syarikat, vane selama ini memujuk Jepun supaya tidak menyertai EAEC jika Amerika tidak dijemput sama.

Laworan dari Tokyo semalam memetik Menteri Luar Jepun, Michio Watanabe sebagai berkata, negaranya tidak akan menyertai EAEC jika Amerika tidak dijemput sama.

Menurut laporan itu, Watanabe dipetik sebagai berkata: "Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) adalah persidangan yang membabitkan Amerika Syarikat. Jadi adalah baik gagasan itu tidak mengetepikan Amerika".

Bercakap kepada pemberita selepas perhimpunan agung Umno di sini semalam, Perdana Menteri berkata, keengganan Jepun menyertai EAEC tanpa penyertaan Amerika Syarikat, hanya alasan.

"Kalau Jepun tidak mahu menyertainya, kita tidak boleh soal.

"Kita tidak ada pengaruh sekat Amerika. Kalau dengan cara itu, Jepun tidak boleh masuk EAEC apa nak buat, kita terimalah.

"Kita akan meneruskan usaha menubuhkan EAEC bersama rakan Asean dan akan menghubungi negara lain yang ditafsirkan sebagai negara Asia Timur untuk menyertainya," katanya.

Ditanya sama ada tanpa penyertaan Jepun akan menjejaskan penubuhan badan itu, Perdana Menteri berkata, soalnya negara itu hanya mahu menyertai EAEC jika Amerika dijemput sama, sedangkan Amerika bukan negara Asia Timur.